

PM: Pilih pemimpin bersih rasuah

UM 10 MAY 2000

Oleh BAHAROM MAHUSIN dan ROZAMANISMAIL

KUALA LUMPUR 9 Mei— Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mahu para perwakilan UMNO yang akan mengundi pada hari esok dan Khamis ini memilih barisan kepimpinan yang bebas daripada rasuah dan terdiri daripada mereka yang betul-betul berkhidmat kepada agama, bangsa dan tanah air.

Pada sidang akhbar selepas majlis taklimat kepada 2,018 perwakilan UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini petang ini, Presiden UMNO itu diminta menyatakan apakah bentuk pasukan yang beliau mahu menerajui UMNO selepas Perhimpunan Agung kali ini.

Katanya: "Saya mahu pasukan yang bebas daripada rasuah, betul-betul berkhidmat untuk bangsa, agama dan tanah air. Tidak terlalu mementingkan diri dan sebagainya."

Ditanya sama ada beliau akan dapat pasukan pemimpin yang diidamkan itu, Dr. Mahathir menjawab: "Saya yakin kali ini— tetapi saya tidak boleh jamin— majoriti orang yang dipilih terdiri daripada orang yang lebih bersih dan tidak terlibat dalam cara-cara yang tidak diingini."

Jawatan penting UMNO yang menghadapi pertandingan tahun ini ialah tiga jawatan Naib Presiden, 25 jawatan Majlis Tertinggi, Ketua dan Naib Ketua Pergerakan Wanita, Naib Ketua Pergerak-

an Pemuda dan jawatan Exco Pemuda dan Wanita.

Pemilihan peringkat Pemuda dan Wanita akan diadakan esok manakala pemilihan lain pada hari Khamis.

● Tiada parti Melayu lain mampu ambil alih UMNO — Muka 2

Dr. Mahathir kekal sebagai Presiden selepas menang tanpa bertanding. Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pula akan diisytiharkan sebagai Timbalan Presiden, juga selepas menang tanpa bertanding.

Menjelang pemilihan itu, Dr. Mahathir sendiri membangkitkan bagaimana para perwakilan parti terdedah kepada gejala politik wang dan kegiatan membeli undi yang agak berleluasa.

Beliau berjanji akan bertindak ke atas mereka yang terlibat dalam gejala itu termasuk membuat pendedahan siapa di belakang politik kotor tersebut.

Ditanya adakah beliau akan membuat pendedahan pada Perhimpunan Agung UMNO nanti, Perdana Menteri berkata, beliau hanya akan berbuat demikian jika mempunyai bukti jelas.

"Saya tidak akan membuat sesuatu kenyataan melainkan saya dapat bukti cukup jelas dan bukti yang tidak boleh ditolak lagi.

"Walaupun saya sanggup mendedahkan (nama) orang itu, saya tidak akan membuat kenyataan yang tidak berasas selagi tidak ada bukti," katanya. Beliau turut

■ Lihat muka 4

bersih

rasuah

UM 10 MAY 2000

mengulas mengenai gejala surat layang yang disifatkannya bukan budaya orang Melayu.

Dr. Mahathir menegaskan, UMNO akan bertindak melalui saluran lain sekiranya terdapat dakwaan mengenai amalan-amalan tidak sihat itu.

Kepada satu soalan, Perdana Menteri memberitahu, adalah sukar untuk mengenal pasti mereka yang terlibat dalam politik wang kerana hanya terdapat sedikit saja bukti pembabitannya yang disyaki.

Beliau memberitahu, pada umumnya gejala tersebut agak reda di Kuala Lumpur tetapi di negeri-negeri ia masih diteruskan.

Seorang pemberita kemudian bertanya beliau sama ada para pemimpin UMNO yang akan menang dalam pemilihan nanti akan terdiri daripada mereka yang bersih manakala yang kalah dianggap mereka yang rasuah dan menggunakan politik wang.

Dr. Mahathir menjelaskan, adalah tidak adil untuk membuat kesimpulan seperti itu.

Katanya, kerusi yang dipertandingkan adalah terhad. "Terdapat 65 calon bertanding bagi kerusi Majlis Tertinggi tetapi kerusi yang diperuntukkan hanyalah 25 sahaja.

"Dalam pertandingan ada yang kalah dan ada yang menang... mereka kalah kerana tidak cukup kerusi," katanya.

Perdana Menteri seterusnya mengingatkan orang Melayu supaya bangkit daripada tidur bagi membaiki politik dan taraf ekonomi mereka.

Walaupun peringatan sedemikian telah dibuat berkali-kali tetapi katanya beliau tidak akan jemu mengulanginya.

Katanya: "Ada orang Melayu yang jaga sekejap dan tertidur balik. Kita kena gerakkan lagi, insya-Allah suatu hari mereka akan bangkit."